# Kertas Bil. 46/2019

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 DAN 31 JULAI 2019**

---

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (*PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE* - PAC)**

**BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

**BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI / KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR TERHADAP MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) PENGURUSAN HARTANAH**

**KERTAS BILANGAN 11/2019**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE – PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) - PENGURUSAN HARTANAH BAGI MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 29 & 31 JULAI 2019**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN MMKN /TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bilangan 11 / 2019 | **PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE – PAC) BERKAITAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2017 SIRI 1 (PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN** | 1. MAIS perlu mengambil langkah yang lebih kreatif dan proaktif dalam pengurusan hartanahnya kerana ia memberi kesan terus terhadap kewangannya untuk jangka masa panjang jika tiada tindakan diambil hasil teguran audit dan jawatankuasa. ALP perlu memberikan tumpuan yang lebih kepada pengurusan hartanah supaya setiap keputusan yang dibuat membuahkan pelaburan yang memberikan ROI yang tinggi. | / | | Pihak MAIS memastikan setiap teguran Audit dan Jawatankuasa akan dipantau oleh Mesyuarat Jawatankuasa Audit MAIS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS. |

**YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI**
Dato' Menteri Besar Selangor

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN MMKN /TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | **ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR) TERHADAP MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) - PENGURUSAN HARTANAH** | 2. Bahagian Pengurusan Harta MAIS harus terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman dan kelayakan dalam bidang pengurusan hartanah. | / | | Pihak MAIS dalam usaha untuk menambah baik perjawatan di Sektor Hartanah MAIS selaras dengan syor daripada Jabatan Audit Negara. |
| | | 3. MAIS disarankan agar membuat penawaran kepada anak syarikat dan agensi kerajaan negeri terlebih dahulu sekiranya ingin menyewakan premis atau membuat penjualan harta. MAIS juga perlu mempelbagaikan khidmat ejen hartanah dan tidak bergantung kepada satu pihak sahaja. | / | | Pihak MAIS akan mengambil tindakan seperti mana yang disarankan. Perkhidmatan ejen hartanah juga dibuka kepada mana-mana syarikat yang berkelayakan. |

**YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI**
Dato' Menteri Besar Selangor

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN MMKN /TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 4. MAIS perlu membuat kajian pasaran dan memilih lokasi hartanah yang paling strategik dan membawa keuntungan dalam semua urusniaga pembangunan hartanah. Ianya perlu bagi mengelakkan pihak MAIS sukar menyewakan atau membuat pelupusan harta yang diterima kerana lokasi yang tidak strategik. | / | | Pihak MAIS telah melaksanakan kajian dan mana-mana pembelian hartanah akan dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan MAIS untuk kelulusan. Kriteria pembelian hartanah MAIS yang telah ditetapkan adalah seperti mana berikut :-<br>i) Kadar harga yang ditawarkan adalah munasabah dan berpatutan;<br>ii) Mempunyai penyewa sedia ada (tempoh sewaan 10 tahun dan ke atas);<br>iii) Kadar pulangan harta antara 4% dan ke atas (mengikut jenis hartanah);<br>iv) Lokasi yang strategik; dan tempoh pulang modal adalah munasabah. |

YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN MMKN /TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5. Bahagian Pengurusan Harta MAIS perlu lebih peka dalam hal-hal pengurusan seperti memastikan urusan membaik pulih dan penyelenggaraan premis diambil tindakan kurang daripada satu (1) satu bulan berbanding melebihi tiga (3) bulan pada ketika ini. | - | | - Pihak MAIS mengambil maklum cadangan oleh pihak PAC. Namun demikian proses membaik pulih adalah bergantung pada nilai kos penyelenggaraan yang perlu mengikut Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAIS (ATPK MAIS) dan Manual Perolehan MAIS.<br>- Pihak MAIS telah mengambil langkah mewujudkan pembaikan segera bagi kerja-kerja yang kritikal dengan melantik anak syarikat MAIS bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan segera. |
| | | 6. Terma dan syarat di dalam perjanjian sewaan perlu ditambahbaik agar tindakan tegas boleh diambil terhadap penyewa-penyewa yang ingkar, gagal dan enggan membayar sewa bulanan yang ditetapkan bagi memastikan kepentingan MAIS terjamin. | / | | Pihak MAIS akan meneliti semula perjanjian sewaan yang sedia ada dan boleh dikuatkuasakan. |

YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN MMKN /TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 7. Penyewa yang mempunyai tunggakan sewa melebihi 3 bulan perlu disenaraikan di dalam CTOS. Pemantauan rapi terhadap defaulters perlu dibuat agar tidak terlepas pandang memandangkan perkara ini tidak boleh diaplikasikan terhadap penyewa yang mempunyai tunggakan sewa melebihi 7 tahun. | / | | Tindakan CTOS kepada penyewa yang gagal menjelaskan sewaan telah dilaksanakan oleh pihak MAIS sejak daripada tahun 2010 melalui Bahagian Undang-Undang MAIS . |

YAB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor